



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
SKIM GERAN PENYELIDIKAN
JANGKA PANJANG
(LRGS)
(PINDAAN TAHUN 2019)**

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA
No. Tel: 03-8870 6974/6975
No. Faks: 03-8870 6867**

KANDUNGAN

Visi dan Misi Penyelidikan Fundamental	3
BAHAGIAN 1 (PENGENALAN)	
1.1 Pendahuluan	4
1.2 Falsafah	4
1.3 Definisi	4
1.4 Tujuan	4
BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)	
2.1 Syarat Am Permohonan	5
2.2 Sektor Keutamaan Negara, Kluster Penyelidikan Dan Domain Penyelidikan	7
2.3 Tempoh Penyelidikan	8
2.4 Siling Peruntukan	8
2.5 Hasil Penyelidikan	8
2.6 Peraturan Permohonan	10
BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)	
3.1 Penilaian Permohonan	11
3.2 Kriteria Penilaian	12
BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	
4.1 Pelaksanaan Penyelidikan	13
4.2 Pemantauan Projek	13
BAHAGIAN 5 (PERATURAN KEWANGAN)	
5.1 Kod Perbelanjaan	16
5.2 Penggunaan Peruntukan	18
BAHAGIAN 6 (KEPUTUSAN)	
6.1 Pemberitahuan Keputusan Dan Pengagihan Peruntukan	19
6.2 Dokumen Dan Ikatan Perjanjian	19
LAMPIRAN	
Carta Alir Permohonan	21
Carta Alir Pemantauan	22
Jadual Pemantauan	23

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing
untuk transformasi ilmu dan
kecemerlangan negara

Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan
kapasiti penyelidikan berimpak tinggi
bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap
perkembangan bakat, peningkatan tahap intelektual,
penciptaan teknologi baharu dan
penyuburan peradaban yang dinamik

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dokumen Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan geran penyelidikan di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Garis Panduan ini perlulah dirujuk bersekali dengan Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.2 FALSAFAH

Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) berupaya mempromosi kecemerlangan dalam penyelidikan yang mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang-bidang fokus yang telah dikenalpasti.

LRGS dapat membina kerjasama keserakan merentasi pelbagai institusi dan bersifat multi disiplin, bagi meletakkan Malaysia dalam peta dunia dari segi penyelidikan fundamental dalam bidang-bidang fokus tertentu.

1.3 DEFINISI

LRGS adalah penyelidikan fundamental yang melibatkan skop yang ekstensif; dan tempoh masa yang panjang serta memerlukan komitmen yang tinggi.

LRGS juga boleh menghasilkan teori dan idea baru yang terkehadapan dalam bidang-bidang yang strategik untuk perluasan sempadan ilmu.

1.4 TUJUAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk memantapkan kecemerlangan dalam penjaan teori, idea baru dan penciptaan yang inovatif yang terkehadapan dalam bidang-bidang yang strategik demi perkembangan sempadan ilmu.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pihak JPT, KPM akan memaklumkan pembukaan tarikh permohonan geran LRGS melalui surat rasmi kepada Universiti Awam dan Universiti Swasta. Pihak universiti perlu membuat hebahan pembukaan permohonan dan melaksanakan penilaian permohonan mengikut ketetapan JPT, KPM. Carta alir bagi proses permohonan adalah seperti di Rajah 1.

2.1 SYARAT AM PERMOHONAN

Geran ini adalah terbuka kepada kakitangan akademik universiti dengan syarat-syarat berikut:

2.1.1 Penyelidikan terbuka kepada semua Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US).

2.1.2 Program mestilah melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) universiti tempatan.

2.1.3 Program mestilah bersifat antara disiplin (interdisciplinary).

2.1.4 Hanya warganegara Malaysia boleh menerajui program LRGS.

2.1.4.1 Kriteria Ketua Program

2.1.4.1.1 Kakitangan akademik bertaraf tetap dengan kelayakan yang bersesuaian dan mengetuai salah satu projek dalam program tersebut; dan

2.1.4.1.2 Jika kakitangan akademik bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara bertaraf tetap.

2.1.4.2 Kriteria Ketua Projek

2.1.4.2.1 Minimum dua (2) orang ketua projek (kakitangan akademik) hendaklah warganegara Malaysia;

2.1.4.2.2 Ketua projek (kakitangan akademik) tetap/kontrak dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap dari universiti tempatan; dan

2.1.4.2.3 Bagi ketua projek bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia (kakitangan akademik) yang bertaraf tetap dari universiti tempatan.

2.1.5 Permohonan baharu (sebagai Ketua Program dan Ketua Projek) bagi mereka yang telah diluluskan LRGS (sebagai Ketua Program dan Ketua Projek) pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan bukti projek-projek tersebut telah selesai sepenuhnya (100%) dan disahkan oleh RMC serta telah selesai membentangkan Laporan Akhir kepada jawatankuasa yang dilantik.

2.1.6 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan cuti sabbatical (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.

2.1.7 Kelulusan yang diperlukan daripada badan-badan berkaitan (i.e.:Jawatankuasa Etika) diberikan sebelum aktiviti penyelidikan berkaitan bermula.

2.1.8 Semua artikel dan data penting penyelidikan yang diterbitkan dan tidak diterbitkan perlu diserahkan kepada JPT, KPM.

2.2 SEKTOR KEUTAMAAN NEGARA, KLUSTER PENYELIDIKAN DAN DOMAIN PENYELIDIKAN

2.2.1 Sektor Keutamaan Negara

Setiap permohonan hendaklah memenuhi Sektor Keutamaan Negara (National Priority Areas-NPAs) seperti berikut:

- i. Jaminan Makanan (Food Security)
- ii. Jaminan Tenaga (Energy Security)
- iii. Tanaman Perladangan (Plantation Crops)
- iv. Keselamatan Siber* (Cyber Security)
- v. Jaminan Air (Water Security)
- vi. Kepelbagaian Bio (Biodiversity)
- vii. Penjagaan Kesihatan dan Perubatan (Healthcare and Medicine)
- viii. Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Environment and Climate Change)
- ix. Pengangkutan dan Mobiliti (Transportation and Mobility)

*Nota: Sektor Keutamaan adalah merangkumi IR4.0 (Cyber Security, Big Data, Artificial Intelligence) yang merujuk kepada *National Policy on Industry 4.0*.

2.2.2 Kluster Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan kluster penyelidikan seperti berikut:

- i. Jaminan dan Keselamatan Makanan (Food Safety & Security)
- ii. Infrastruktur Asas (Basic Infrastructure)
- iii. Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (Climate Change & Environment)
- iv. Kesihatan (Health)
- v. Pendidikan dan Masyarakat Madani Celik Ilmu (Education & Knowledgeable Civil Society)
- vi. Keselamatan Negara (National Security)
- vii. Kesejahteraan Sosial dan Ekonomi (Social & Economic Wellbeing)
- viii. Teknologi Terkehadapan & Pembuatan Termaju (Frontier Technologies & Advanced Manufacturing)

Permohonan kertas cadangan penyelidikan perlulah mengikut panggilan kertas kerja (call for proposals) yang telah ditetapkan oleh JPT, KPM pada tahun tersebut.

2.2.3 Domain Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan domain penyelidikan seperti berikut:

- i. Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences)
- ii. Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering)
- iii. Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences)
- iv. Sains Sosial (Social Sciences)
- v. Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts)
- vi. Warisan Alam dan Budaya (Natural and Cultural Heritage)
- vii. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology)

2.3 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah di antara tiga (3) hingga lima (5) tahun.

2.4 SILING PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu RM3,000,000.00 setahun.

2.5 HASIL PENYELIDIKAN

2.5.1 Bakat

Setiap program penyelidikan yang dipohon mesti menghasilkan bakat seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia-Pendidikan Tinggi (PPPMPPT). Program LRGS disyaratkan untuk menghasilkan bilangan pascasiswazah (Ph.D atau Sarjana) mod penyelidikan sepenuh masa yang berpadanan dengan skop penyelidikan.

2.5.2 Penerbitan

Setiap program mesti menghasilkan penerbitan dalam jurnal terindeks. Bilangan penerbitan mestilah berpadanan dengan skop penyelidikan. Sebahagian penerbitan mestilah diterbitkan dalam jurnal terindeks Q1. Penghargaan kepada geran LRGS, KPM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

2.5.3 Harta Intelekt

2.5.3.1 Setiap program LRGS perlu menghasilkan harta intelek yang berpadanan dengan skop penyelidikan. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelekt di dalam negara dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelekt hasil geran LRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan universiti berkenaan.

2.5.3.2 Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab universiti berkenaan (tertakluk kepada klausa).

2.5.4 Hasil Pengkomersilan

2.5.4.1 Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh LRGS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

2.5.4.2 Untuk Universiti Awam, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.

2.5.4.3 Untuk Universiti Swasta, perincian hak milik pengkomersilan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

2.5.5 Serahan Hasil Penyelidikan (Research Deliverables)

Program penyelidikan perlu menghasilkan *research deliverables* yang berpotensi diterjemahkan dan dimanfaatkan berpandukan kepada *call for proposals* yang telah ditetapkan oleh JPT, KPM pada tahun tersebut.

2.6 PERATURAN PERMOHONAN

2.6.1 Permohonan LRGS akan melalui dua (2) fasa seperti berikut:

- i. Kertas konsep
 - Kertas konsep akan dinilai dan disenarai pendek.
- ii. Kertas cadangan penyelidikan (full proposal)
 - Kertas cadangan penyelidikan perlu dikemukakan bagi kertas konsep yang berjaya disenarai pendek.
 - Permohonan kertas cadangan penyelidikan yang telah dinilai dan disenarai pendek akan dipelawa untuk membuat pembentangan.
 - Kertas cadangan penyelidikan perlu dibentangkan oleh Ketua Program bersama dengan setiap ketua projek.

2.6.2 Penilaian dijalankan oleh panel penilai yang dilantik oleh JPT, KPM. Keputusan penilaian adalah muktamad.

2.6.3 Permohonan LRGS perlu dibuat secara atas talian melalui sistem MyGRANTS.

2.6.4 Penyelidik bertanggung jawab mengemas kini profil peribadi dalam MyGRANTS. Profil penyelidik merupakan rujukan bagi penilaian kepatuhan terhadap syarat permohonan;

2.6.5 Permohonan LRGS dibuka kepada program penyelidikan yang menepati syarat dan bidang penyelidikan seperti di para 2.1, para 2.2, para 2.3 dan para 2.4.

2.6.6 Semua permohonan hendaklah diperaku oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) di universiti masing-masing.

2.6.7 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran LRGS dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 PENILAIAN

3.1.1 Penilaian Permohonan Peringkat Universiti (Penilaian Dalaman)

- i. Penilaian kertas konsep bagi permohonan program penyelidikan LRGS hendaklah dilaksanakan di peringkat universiti;
- ii. Pihak universiti perlu melantik Ahli Jawatankuasa Penilaian (Penilai dalaman). Pelantikan penilai perlu menepati kriteria yang ditetapkan oleh JPT, KPM;
- iii. Setiap kertas konsep perlu dinilai sekurang-kurangnya dua (2) orang penilai
- iv. Penilai perlu meneliti kertas konsep yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian yang ditetapkan; dan
- v. Perakuan RMC perlulah berdasarkan syor dan perakuan panel penilai dalaman yang dilantik di peringkat universiti.

3.1.2 Penilaian Permohonan Peringkat JPT, KPM

- i. Penilaian kertas konsep dan kertas cadangan penyelidikan bagi permohonan program penyelidikan LRGS akan dilaksanakan di peringkat JPT, KPM;
- ii. Setiap permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- iii. Jawatankuasa Penilaian akan memperakukan permohonan program yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Teknikal LRGS yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi untuk kelulusan.
- iv. Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, KPM.

3.2 KRITERIA PENILAIAN

3.2.1 Kertas cadangan penyelidikan yang dipohon mestilah memenuhi kriteria penilaian yang dinyatakan dalam setiap *call for proposals* yang ditetapkan oleh JPT, KPM pada tahun tersebut. Antara kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Merit Saintifik (Scientific Merit);
- ii. Impak Projek (Project Impact);
- iii. Kecekapan Kumpulan Penyelidik (Competency of Research Team);
dan
- iv. Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi (Research and Innovation Ecosystem).

BAHAGIAN 4

PEMANTAUAN

4.1 PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

Program dan projek penyelidikan perlu dilaksanakan bermula pada tarikh yang ditetapkan oleh JPT, KPM dan hendaklah mengikut kertas cadangan penyelidikan (full proposal) yang telah diluluskan. Pihak universiti dan penyelidik perlu mematuhi peraturan dan ketetapan LRGS serta lain-lain ketetapan daripada JPT, KPM.

Pihak universiti dan penyelidik perlu memastikan sebarang perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan (full proposal) mematuhi tadbir urus yang telah ditetapkan.

4.2 PEMANTAUAN

Pemantauan bagi setiap program dan projek penyelidikan perlu mematuhi semua kaedah pemantauan yang telah ditetapkan oleh JPT, KPM. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan program dan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap universiti. Carta alir pemantauan bagi LRGS adalah seperti di Rajah 2.

4.2.1 Pemantauan Berjadual

Setiap program dan projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh program dan projek penyelidikan aktif. Penghantaran laporan prestasi kepada JPT, KPM dilaksanakan setiap enam (6) bulan seperti di Jadual 1.

- i. Penghantaran laporan prestasi dan kewangan bagi program dan projek LRGS adalah:
 - a. Pelaporan pada bulan Februari perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Disember pada tahun sebelum; dan
 - b. Pelaporan pada bulan Ogos perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Jun pada tahun yang sama.

ii. Borang-borang yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

a) **Borang Prestasi Program dan Projek LRGS atas talian (Sistem MyGRANTS)**

- Borang Prestasi Program - diisi oleh setiap ketua program
- Borang Prestasi Projek - diisi oleh ketua-ketua projek dalam program
- Borang Prestasi Projek perlu dihantar kepada RMC di universiti masing-masing dan seterusnya dipanjangkan kepada RMC universiti peneraju untuk dikumpul dan dimajukan kepada Urus Setia LRGS;
- Borang Prestasi Program seterusnya dipanjangkan kepada Urus Setia LRGS dengan menyertakan sekali borang-borang prestasi yang diisi oleh ketua-ketua projek bersama Borang Laporan Keseluruhan LRGS dan Borang Ringkasan Prestasi Kewangan.

b) **Borang Laporan Keseluruhan LRGS**

- Laporan Keseluruhan LRGS mengikut fasa bagi setiap universiti peneraju dihantar kepada Urus Setia LRGS JPT, KPM setiap tahun dan diisi oleh RMC universiti peneraju sebanyak satu (1) salinan
- Perlu disertakan bersama-sama Borang Prestasi Program dan Borang Prestasi Projek serta Borang Ringkasan Prestasi Kewangan.

c) **Borang Ringkasan Prestasi Kewangan LRGS**

- Ringkasan Prestasi Kewangan LRGS mengikut fasa bagi setiap IPT dan diisi oleh RMC IPT peneraju masing-masing
- Perlu disertakan bersama-sama Borang Prestasi Program, Borang Prestasi Projek dan Borang Laporan Keseluruhan LRGS

d) Pemantauan tahunan akan dilakukan secara pembentangan kepada panel penilai JPT, KPM.

4.2.2 Pemantauan Tidak Berjadual

Setiap program dan projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan JPT, KPM.

- i. Lawatan tapak dan pengauditan;
- ii. Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditentukan JPT, KPM; dan
- iii. JPT, KPM juga berhak memanggil pihak universiti untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian seperti pembentangan program dan projek penyelidikan.

4.2.3 Laporan Akhir

Ketua Penyelidik perlu menghantar laporan akhir penyelidikan dalam bentuk salinan keras (hardcopy) dan salinan lembut (softcopy) dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat program atau tarikh ditamatkan program.

4.2.3.1 Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- (a) Borang Laporan Akhir Program/ Projek
- (b) Laporan perlu dibukukan merangkumi pengenalan, kajian kepustakaan, metodologi dan lain-lain yang berkaitan
- (c) Laporan Kewangan yang disahkan oleh Bendahari
- (d) Laporan Aset
- (e) Hasil (disertakan bahan bukti)
 - Bakat (nama individu dan peringkat pengajian)
 - Penerbitan (dalam jurnal terindeks seperti SCOPUS dan WoS)
 - Harta Intelek
 - Lain-lain hasil
- (f) Infografik hasil penyelidikan
- (g) Video impak penyelidikan LRGS berdurasi 3-5 minit mengikut format yang telah ditetapkan JPT, KPM.

4.2.3.2 Semua laporan mesti berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang diluluskan sahaja.

BAHAGIAN 5

PERATURAN KEWANGAN

5.1 KOD PERBELANJAAN

Peruntukan bagi geran LRGS adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

5.1.1 **Vot 11000 – Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant-GRA)**

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA) mod penyelidikan sepenuh masa. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300.00 untuk pelajar Ph.D dan RM1,800.00 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan universiti.

5.1.2 **Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan**

5.1.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

5.1.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:

- i. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
- ii. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan dan sangkutan dalam konteks jaringan penyelidikan.

- iii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- iv. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan universiti masing-masing.
- v. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 10% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

5.1.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 25% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.1.3 Vot 24000 – Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

5.1.4 Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

5.1.5 Vot 28000 – Baik pulih Kecil dan ubahsuai

5.1.5.1 Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

5.1.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

5.1.6 **Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas**

- 5.1.6.1 Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan

- 5.1.6.2 Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan adalah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.1.7 **Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan**

- 5.1.7.1 Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan; dan

- 5.1.7.2 Jumlah yang dipohon bagi vot ini pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.2 **PENGGUNAAN PERUNTUKAN**

- 5.2.1 Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi, peralatan pejabat dan perkakasan seperti *workstation*, komputer riba, *iPad*, telefon bimbit, mesin pencetak, toner, alat tulis serta apa-apa pembelian yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

- 5.2.2 Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

BAHAGIAN 6

KEPUTUSAN

6.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 6.1.1 Surat kelulusan program LRGS akan disampaikan kepada Naib Canselor universiti dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bendahari.
- 6.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada Bendahari/Kewangan universiti setelah surat kelulusan LRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian LRGS.
- 6.1.3 Keputusan Jawatankuasa Penilaian LRGS adalah muktamad.


6.2 DOKUMEN DAN IKATAN PERJANJIAN

6.2.1 Dokumen Perjanjian


- i. Dokumen perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di antara Kementerian (diwakili oleh JPT, KPM) dan universiti;
- ii. Pihak universiti hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa untuk menandatangani dokumen perjanjian bagi pihak universiti; dan
- iii. Dua (2) salinan asal perlu dikemukakan kepada JPT, KPM.

6.2.2 Ikatan Perjanjian

- i. Ikatan perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di antara universiti dan penyelidik;
- ii. Pihak universiti hendaklah memastikan ikatan perjanjian dibuat mengikut format yang ditetapkan oleh JPT, KPM. Walau bagaimanapun, pihak universiti dibenarkan untuk membuat penambahan syarat dan terma bersesuaian dengan keperluan universiti tanpa meninggalkan sebarang maklumat asas yang telah ditetapkan oleh JPT, KPM; dan
- iii. Pihak universiti perlu menyerahkan satu (1) salinan ikatan perjanjian yang lengkap ditandatangani kepada JPT, KPM.



Rajah 1: Carta alir permohonan LRGs



Rajah 2: Carta alir pemantauan LRGs

Jadual 1: Jadual Kitaran bagi Pemantauan Berjadual Program/Projek LRGS Peringkat JPT, KPM

PEMANTAUAN BERJADUAL

BULAN											
Kitaran Pemantauan 1						Kitaran Pemantauan 2					
Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Julai - Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Julai - Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Julai - Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)				Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan - Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan - Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan - Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)			

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



**UNIT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA.
NO. TEL: 03-8870 6974 / 6975
NO. FAKS: 03-8870 6867**